

Kes projek MRT Stesen Ampang Park

→ **Pemilik strata memohon pengisytiharan** supaya kelulusan diberikan responden dalam permohonan pengambilan tanah mengikut Akta Pengambilan Tanah 1960 adalah tidak berperlembagaan, menyalahi undang-undang, batal dan tidak sah



Kerja merobohkan pusat beli-belah Ampang Park tidak akan dijalankan serta-merta kerana prosiding inkuiri sedang berlangsung.

Pengambilan tanah projek MRT sah

BH 11/7/2016 ms. 41

➔ Permohonan semakan kehakiman 39 pemilik strata Ampang Park ditolak

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali
ajohari@bh.com.my

■ **Kuala Lumpur**

Mahkamah Tinggi semalam, memutuskan pengambilan tanah oleh kerajaan bagi projek pembinaan MRT Stesen Ampang Park yang membabitkan pusat beli-belah Ampang Park, adalah sah.

Hakim Datuk Hanipah Farikulah membuat keputusan itu selepas menolak permohonan semakan kehakiman oleh 39 pemilik strata pusat beli-belah berkenaan yang mencabar kelulusan Pentad-

bir Tanah Wilayah Persekutuan dan Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan bagi pengambilan tanah terbabit.

Hanipah dalam penghakimannya berkata, pengambilan tanah oleh kerajaan dibuat mengikut peruntukan undang-undang.

"Saya bersetuju dengan hujahan MRT Corp selaku responden ketiga bahawa tujuan pengambilan tanah itu ialah bagi faktor keselamatan dan menjadikan projek berkenaan efisien," katanya.

Terdahulu, Hanipah memutuskan bahawa Pentadbir Tanah Wilayah Persekutuan dan Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Per-

sekutuan bukan pihak yang sepatutnya dinamakan sebagai responden kedua dan ketiga dalam semakan kehakiman itu.

Arah pemohon bayar kos RM70,000

Beliau kemudian mengarahkan pemilik strata selaku pemohon membayar kos sebanyak RM35,000 kepada Pentadbir Tanah Wilayah Persekutuan dan Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan dan RM35,000 lagi kepada MRT Corp.

Sementara itu, Peguam Lai Wai Fong mewakili MRT Corp, berkata kerja merobohkan pusat beli-belah

Ampang Park tidak akan dijalankan serta-merta kerana prosiding inkuiri sedang berlangsung bagi menentukan jumlah pampasan yang akan dibayar kepada pemilik premis perniagaan pusat beli-belah yang terjejas.

Datuk Edward Boon Siong yang mewakili pemilik strata berkata, anak guamnya tidak berpuas hati dengan keputusan itu dan mengarahkan supaya pihaknya memfailkan rayuan.

Pentadbir Tanah Wilayah Persekutuan dan Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan diwakili Peguam Kanan Persekutuan, Shamsul Bolhassan.